

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 22 OKTOBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan skop dan fungsi Jawatankuasa Khas Ekonomi dan sebab-sebab pembentukannya.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil langkah proaktif serta melaksanakan strategi pengukuhan ekonomi yang berterusan bagi memastikan asas ekonomi sentiasa berdaya tahan. Ini kerana ketidaktentuan kedudukan global semasa memerlukan tindakan yang lebih responsif bagi mengurangkan sebarang impak ketidaktentuan global kepada ekonomi negara.

Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) pada 26 Ogos 2015 untuk merangka langkah dan strategi jangka pendek dan sederhana untuk menangani kejatuhan nilai ringgit yang berterusan serta mengurangkan impak negatif ke atas kedudukan ekonomi dan kewangan negara.

Tiga bidang tugas utama JKE adalah untuk:

1. Mempertimbangkan perancangan serta-merta dan jangka sederhana sebagai tindakan untuk menstabilkan nilai ringgit, mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan dan mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi Malaysia;
2. Merangka dan memantau strategi jangka pendek dan pelan tindakan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan; dan

3. Mengenal pasti isu dan masalah lain yang menghalang pertumbuhan ekonomi serta merangka langkah-langkah penyelesaian yang bersesuaian.

JKE yang diadakan pada setiap minggu, dipengerusikan oleh saya selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Keahlian JKE terdiri daripada tokoh-tokoh korporat dan perbankan, kapten industri, pakar akademik dan wakil persatuan serta dianggotai oleh beberapa ahli ex officio daripada pegawai tertinggi Kementerian Kewangan; Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; Bank Negara Malaysia; Suruhanjaya Sekuriti, Pejabat Perdana Menteri dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pihak-pihak lain yang berkaitan akan dijemput dari semasa ke semasa berdasarkan kepada isu-isu semasa.

Pada 14 September 2015, berdasarkan cadangan JKE, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan langkah-langkah pro-aktif yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menangani suasana ekonomi global yang tidak menentu dan berpotensi memberi impak negatif kepada ekonomi Malaysia. Empat matlamat utama langkah-langkah pro-aktif ekonomi yang diumumkan adalah untuk:

1. Menstabilkan pasaran kewangan;
2. Menyokong aktiviti perniagaan;
3. Meningkatkan kesejahteraan rakyat; dan
4. Meningkatkan integriti institusi.

Sekian, terima kasih.